



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian

**HARI ISNIN : 24 NOVEMBER 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 10 HINGGA 43 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [ PASIR MAS - PAS ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014 (ISNIN)**

**SOALAN (NO. 10)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan punca-punca kegagalan Malaysia mencapai sasaran pingat emas dalam Sukan Komanwel 2014 termasuk kemerosotan sukan-sukan utama negara seperti hoki dan badminton.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di temasya Sukan Komanwel Glasgow 2014 pada yang lalu, Kontinjen Negara gagal mencapai sasaran **7 pingat emas** dengan hanya memungut **6 pingat emas, 7 pingat perak dan 6 pingat gangsa** untuk menduduki tangga ke-12 daripada 71 negara yang mengambil bahagian.
2. Empat (4) sukan yang telah menyumbangkan pingat emas iaitu badminton (3), terjun (1), angkat berat (1) dan skuasy (1) merupakan sukan-sukan utama yang dipertandingkan di temasya Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik (kecuali skuasy).
3. Kegagalan negara mencapai sasaran pingat adalah berpunca daripada kegagalan beberapa jenis sukan mencapai sasaran awal yang telah ditetapkan. Sukan tersebut ialah berbasikal dan lawn bowls. Sungguhpun sasaran yang telah ditetapkan awal adalah dibuat berdasarkan kepada pencapaian sebenar mereka serta perbandingan dengan atlet-atlet negara lain tetapi atlet berkenaan tidak mampu memberikan pencapaian mereka sebenar. Selain daripada itu kecederaan Dato' Lee Chong Wei dan Pandalela Renong juga menyebabkan kita terlepas pingat emas.

## SULIT

4. Sungguhpun temasya Sukan Komanwel merupakan yang ketiga terbesar selepas Sukan Olimpik dan Sukan Asia, namun dari segi kualiti bagi sesetengah sukan yang dipertandingkan adalah bertaraf Olimpik dan dunia seperti berbasikal, bola jaring, boling padang, hoki, olahraga, ragbi dan renang.
5. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sedang dalam proses menilai keberkesanan program latihan sukan prestasi tinggi khususnya Program Elit 2011-2014 Majlis Sukan Negara. Pihak kementerian telahpun menerima laporan 'post-mortem' daripada semua persatuan sukan kebangsaan yang terlibat. Satu kajian menyeluruh akan dibuat bagi mengenalpasti punca-punca sebenar mengapa atlet-atlet negara gagal menyerlah di temasya sukan antarabangsa.
6. Penyertaan badminton masih dianggap cemerlang kerana mampu mencapai sasaran dengan 3 pingat emas walaupun ketiadaan Dato' Lee Chong Wei yang mengalami kecederaan. Tiga (3) pingat emas tersebut diperoleh menerusi pasukan campuran, beregu lelaki Tan Wee Kiong dan Goh Wei Shem serta beregu wanita Hoon Kee Wei dan Vivian Ho.
7. Prestasi pasukan hoki telah dilaporkan mengecewakan kerana tewas dengan jaringan yang besar dalam dua perlawanan, 1-8 kepada England dan 1-6 kepada New Zealand di samping kekalahan yang memalukan 2-4 kepada pasukan Trinidad & Tobago. Pasukan Hoki Negara berjaya menewaskan pasukan Kanada 2-0 di perlawanan pertama dan menewaskan Scotland 2-1 di perlawanan penentuan tempat ketujuh dan kelapan,

perlawanan-perlawanan yang lain tidak menunjukkan prestasi sebenar pasukan negara.

8. Pasukan hoki lelaki yang menyertai temasya Sukan Komanwel adalah pasukan campuran pemain-pemain senior dan junior. Sebahagian besar pemain-pemain senior direhatkan bagi persediaan untuk menghadapi Sukan Asia di Incheon. Keutamaan diberikan kepada Sukan Asia kerana juara temasya berkenaan akan layak secara automatik bertanding di Sukan Olimpik Rio 2016.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**

**TARIKH : 24.11.2014**

**SOALAN :**

**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keadaan reka bentuk bangunan sekolah rendah dan sekolah menengah tidak lagi selamat seperti mana dakwaan pihak tertentu dan berapa kes kematian pelajar yang jatuh dari bangunan sekolah pada tahun 2011, 2012, 2013 dan 2014.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Reka bentuk bagi pembinaan sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sememangnya mematuhi piawaian dan standard keselamatan yang digariskan oleh Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Dalam penyediaan reka bentuk sekolah, aspek keselamatan murid sentiasa diberikan penekanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkaitan dakwaan tentang kes kematian murid yang jatuh dari bangunan sekolah, insiden ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor lain. Setakat ini, KPM tidak menerima sebarang aduan berhubung kematian pelajar yang jatuh daripada bangunan baharu. Walau bagaimanapun mengikut data KPM, kes-kes berkaitan pelajar yang jatuh bangunan yang dilaporkan pada tahun 2013 ialah 7 kes, manakala tahun 2014 ialah 8 kes. Tiada kes dilaporkan pada tahun 2011 dan 2012.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj  
[ Sungai Siput ]  
**TARIKH** : 24 November 2014 (Isnin)  
**SOALAN** : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju bahawa pekebun kecil Cina yang usahakan tanah Kerajaan tanpa memperolehi geran tanah ataupun “lease”, sedang memainkan peranan penting dalam menjamin pembekalan makanan sayur-sayuran di Malaysia. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memantapkan sumbangan mereka.

**JAWAPAN** :  
**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak mempunyai kuasa berkaitan pemberian geran tanah atau pun “lease” kepada pekebun kecil Cina yang mengusahakan tanah Kerajaan tanpa kebenaran memandangkan urusan berkaitan hak milik tanah adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Bantuan Kerajaan juga tidak dapat disalurkan memandangkan salah satu syarat pemberian bantuan adalah pemilikan yang sah atau dokumen sokongan kebenaran mengusahakan tanah tersebut.

**NO. SOALAN: 13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO'  
OTHMAN SAID [ Pengerang ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7237**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian akan membina satu pusat tahanan sementara PATI di Parlimen Pengerang atau Kota Tinggi untuk menempatkan PATI yang telah ditangkap dari memasuki kawasan Pengerang memandangkan mereka diletakkan sementara di lokap IPD Kota Tinggi sehingga menyebabkan kapasiti melebihi yang sepatutnya.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan tidak berhasrat untuk membina satu pusat tahanan sementara pendatang asing tanpa izin (PATI) di Parlimen Pengerang atau Kota Tinggi kerana depot tahanan yang sedia ada berdekatan iaitu depot tahanan Pekan Nenas dan Lokap Jabatan Imigresen Malaysia cawangan Setia Tropika, Johor Bahru masih mampu untuk menampung PATI yang ditahan. Kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia sedang dalam proses menaiktaraf depot-depot sedia ada bagi menampung pertambahan kapasiti PATI.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 24.11.2014**

**SOALAN :**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah semua graduan tajaan Kerajaan lulus pendidikan yang masih belum dilantik sebagai pendidik; dan
- (b) apakah sebab utama graduan-graduan ini tidak dilantik dan bilakah dijangka masalah pelantikan ini akan dapat diselesaikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Sehingga Julai 2014, jumlah graduan tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang belum dilantik adalah seramai 215 orang. Jumlah ini terdiri daripada 152 graduan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) keluaran Institut Pendidikan Guru (IPG) yang tidak dilantik kerana **gagal temu duga**. Manakala seramai 63 graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) keluaran Institusi Pengajian Tinggi

Awam (IPTA) tidak dilantik kerana dua sebab iaitu 16 orang **gagal temu duga** dan 47 orang berstatus **calon simpanan**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi graduan yang gagal temu duga, mereka boleh memohon semula jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 selepas enam (6) bulan dari tarikh keputusan temu duga melalui portal [www.jobsmalaysia.gov.my](http://www.jobsmalaysia.gov.my). Walau bagaimanapun, setiap graduan perlu bersaing dengan graduan keluaran semasa dan hanya graduan yang terbaik sahaja akan dipilih oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) berdasarkan merit, keperluan opsyen dan prestasi temu duga. Manakala bagi graduan yang berstatus calon simpanan, mereka akan ditempatkan secara berperingkat-peringkat bergantung kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen.

**NO. SOALAN : 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7236**

**SOALAN:**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah persatuan dan pertubuhan tidak berdaftar yang telah menyalahi undang-undang sejak 2008 sehingga Jun 2014; dan
- (b) apakah bentuk hukuman yang pernah dikenakan terhadap pertubuhan-pertubuhan atau individu yang terbabit yang terlibat melanggar undang-undang dalam negara ini.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak mempunyai rekod mengenai jumlah pertubuhan yang tidak berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia kerana pihak-pihak berkenaan tidak hadir ke Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia untuk mengemukakan permohonan pendaftaran pertubuhan. Walau bagaimanapun, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia ada mengambil tindakan terhadap pertubuhan seumpamanya berdasarkan aduan dan maklumat awam yang diterima dan jumlah pertubuhan yang telah dikenalpasti sebagai menyalahi undang-undang sejak tahun 2008 sehingga bulan September 2014 adalah sebanyak 49 pertubuhan.**

**Untuk menjawab soalan (b), bagi pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dan didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335], maka tertakluk kepada hasil siasatan, pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia boleh mengambil tindakan pembatalan terhadap pertubuhan tersebut sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13 dalam Akta yang sama.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 24.11.2014**

**SOALAN :**

**Tuan V. Sivakumar [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan semua cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sekolah Menengah yang mempunyai 10 orang panel. Bilakah cadangan yang disarankan oleh Jawatankuasa Khas itu akan diterima dan diserapkan dalam sukatan mata pelajaran Sejarah di sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sekolah Menengah telah mengemukakan hasil dapatan dan cadangan kepada YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia pada 15 Mei 2013. Sehubungan dengan itu, dua jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu:

- a. Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah yang melibatkan tokoh akademik daripada pelbagai kepakaran dalam bidang ilmu sejarah sama ada sejarah negara mahupun sejarah negara luar.

- b. Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan Mata Pelajaran Sejarah yang melibatkan pegawai-pegawai Bahagian di Kementerian Pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil dapatan dan cadangan yang berkaitan dengan kurikulum, buku teks, data guru opsyen, bahan dan program sokongan, pemantauan pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Sejarah, pengurusan panitia Sejarah, penilaian dan pentaksiran, kursus latihan guru pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan serta program bimbingan/intervensi peningkatan prestasi akademik mata pelajaran Sejarah telah, sedang dan akan dilaksanakan dengan mengambilkira semua perkara yang disarankan oleh Jawatankuasa Khas.

Selain itu, Jawatankuasa Kerja ini juga telah bekerjasama dengan pihak Arkib Negara dan Muzium Negara selaras dengan cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas iaitu memperkasa peranan Arkib Negara dan Muzium Negara dalam memartabatkan pendidikan sejarah.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]  
**TARIKH** : 24 November 2014 (Isnin)  
**SOALAN** : Datuk Koh Nai Kwong minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk menggalakkan pertanian organik di Malaysia.

**JAWAPAN** :  
Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan pertanian organik oleh pengusaha di Malaysia melalui pelaksanaan *Natural Farming*, vermikompos, pembuatan bokashi dan pembuatan Mikroorganisma Berfaedah (EM) disamping memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan teknologi pertanian organik. Sehingga kini, sebanyak 137 ladang dengan keluasan 1,727.85 hektar telah mendapat pengiktirafan Skim Organik Malaysia (SOM). Antara tanaman yang ditanam adalah buah-buahan, sayur-sayuran, padi, cendawan dan herba.

Di samping itu, Jabatan Pertanian juga melaksanakan kursus dan latihan berkaitan pertanian organik kepada golongan sasaran secara berkala di seluruh negara. Sehingga kini, sebanyak 13 kursus / latihan telah dilaksanakan yang melibatkan 335 orang pengusaha.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**TARIKH : 24.11.2014**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan terperinci pemilihan pelajar-pelajar bagi kursus farmasi, perubatan dan pergigian di universiti awam negara sehingga pelajar cemerlang tidak diberikan kursus yang mereka pilih. Berikan pecahan pelajar yang berjaya dalam tiga kursus di atas berdasarkan pencapaian Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM) sejak 2008.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pemilihan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dilaksanakan berdasarkan prinsip meritokrasi, dengan mengguna pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum untuk menjana markah merit calon. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua pemohon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, jantina, bangsa, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal layak dipertimbangkan untuk ditawarkan tempat di IPTA.

Penetapan merit tidak hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata. Penentuan dibuat dengan mengambil kira kedua-dua

elemen akademik dan kokurikulum calon untuk memastikan IPTA melahirkan graduan yang holistik.

Pemohon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dimohon mengikut keutamaan dan bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Pada masa ini, kemasukan pelajar ke IPTA adalah sangat kompetitif kerana bilangan tempat yang disediakan adalah terhad bagi menampung permintaan yang semakin meningkat. Hanya pemohon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut susunan merit, pilihan program pengajian yang dimohon mengikut keutamaan, pilihan IPTA serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Selain daripada itu, proses temu duga turut dilaksanakan di IPTA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu demi memastikan IPTA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan.

Sesetengah program pengajian bertemu duga mendapati pemohon gagal memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk mengikuti program pengajian berkaitan. Sekiranya pemohon gagal dalam temu duga berkenaan, mereka masih boleh dipertimbangkan untuk ditawarkan program pengajian lain dalam pilihan mereka atau sekiranya mereka bersetuju untuk menerima tawaran selain daripada program pengajian

yang dipohon, KPM akan cuba memastikan pemohon ditawarkan program pengajian yang bersesuaian berdasarkan kelayakan dan kekosongan tempat di IPTA.

Peratus jaya (*success rate*) pemohon pula bergantung kepada bilangan pemohon yang layak mengikut program pengajian dan trend pemilihan calon. *Trend* pemilihan calon tidak dapat dikawal oleh sistem atau pihak IPTA, kerana kuasa memilih program pengajian dan IPTA adalah terletak di tangan pemohon sendiri.

Bilangan calon lepasan STPM/Matrikulasi/Asasi yang ditawarkan tempat bagi mengikuti program pengajian perubatan, pergigian dan farmasi di IPTA pada tahun 2008 hingga 2014 berjumlah seramai 5,912 orang bagi program perubatan, 1,120 bagi program pergigian dan 1,822 bagi program farmasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]  
TARIKH : 24 NOVEMBER 2014  
SOALAN :**

**YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian serius dalam menangani masalah obesiti di kalangan rakyat Malaysia dan adakah cadangan untuk memperkenalkan Kempen Kesedaran Pengambilan Nutrisi yang sesuai kepada rakyat Malaysia kepada pelajar sekolah di semua peringkat sehingga universiti bagi memastikan peningkatan jumlah rakyat gemuk di Malaysia dapat dikurangkan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sangat komited dan serius dalam menangani masalah obesiti. Ini bagi mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit akibat obesiti seperti diabetes dan hipertensi. Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan kesedaran rakyat, pihak KKM telah dan sedang menjalankan pelbagai aktiviti melalui pendekatan mengikut kitaran kehidupan (*life cycle approach*) dan pendekatan mengikut *setting* seperti sekolah, institusi, komuniti dan tempat kerja. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah:

- i) Mengawal pengiklanan makanan segera semasa rancangan kanak-kanak di televisyen berdasarkan Garis Panduan Pengiklanan dan Pelabelan Maklumat Pemakanan Makanan Segera yang telah dikeluarkan dan dilaksanakan sejak tahun 2008;
- ii) Memperkukuh komponen pemakanan di dalam Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat dengan memantau penjualan makanan dan minuman yang sesuai, tidak digalakkan dan dilarang dijual di kantin sekolah. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran murid selain memberi pilihan makanan yang lebih sihat di kantin sekolah. Pada tahun 2013, sebanyak 3,956 kantin sekolah telah dipantau dan sehingga Jun 2014, sebanyak 2,381 kantin sekolah telah dipantau;
- iii) Menerbitkan dan melaksanakan Garis Panduan Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan semua peniaga makanan dan minuman di luar pagar sekolah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Sehingga 30 Ogos 2013, sebanyak 1,724 kali pemantauan telah dijalankan oleh 66 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melibatkan 677 buah sekolah;
- iv) Mewujudkan Kelab Doktor Muda di sekolah, Program Siswa Sihat (PROSIS), COMBI (*Communication for Behaviourial Impact*) dan Pusat Promosi Kesihatan Komuniti untuk menjadi agen promosi cara hidup sihat dalam melatih komuniti dan rakan sebaya;

- v) Mengadakan kempen media massa mengenai obesiti dan kesannya terhadap kesihatan menerusi siaran iklan di televisyen, radio, majalah, surat khabar dan media social;
- vi) Menjalankan latihan Katering Sihat kepada pengusaha dan pengendali makanan di premis makanan yang bertujuan meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pengendali makanan mengenai penyediaan hidangan yang sihat dan selamat;
- vii) Memberi pengiktirafan BeSS (Bersih, Selamat dan Sihat) kepada premis makanan yang mematuhi kriteria;
- viii) Melaksanakan inisiatif KOSPEN (Komuniti Sihat Perkasa Negara) di peringkat komuniti dengan kerjasama pihak KEMAS bagi memperkasa rakyat untuk menyampaikan maklumat dan meningkatkan kesedaran berkaitan pemakanan, kesihatan serta pengesanan faktor risiko penyakit berjangkit; dan
- ix) Merancang program khas bersama Kementerian Pendidikan sebagai *co-partner* dengan penglibatan PIBG dalam menangani masalah obesiti di kalangan murid sekolah yang memberi fokus kepada aspek pemakanan sihat, aktiviti fizikal dan psikologi.

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[ POKOK SENA - PAS ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 20)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan Hari Belia Negara 2014 (Festival Belia Putrajaya) yang diadakan pada Mei 2014 dan sejauh manakah keberkesanan kepada pembangunan belia Malaysia dan nyatakan juga perbelanjaan sambutan hari belia di peringkat daerah dan negeri seluruh Malaysia.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan sambutan Festival Belia Putrajaya termasuk Sambutan Hari Belia di peringkat daerah dan negeri adalah berjumlah RM10 juta.
  
2. Pada tahun ini, pihak Kementerian Belia dan Sukan melalui agensinya iaitu Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah menjalankan kajian berhubung Penganjuran Hari Belia 2014. Berdasarkan kepada hasil pelaporan kajian yang melibatkan seramai 6,434 responden di pelbagai peringkat daerah, negeri dan seterusnya di peringkat kebangsaan (Putrajaya) dari aspek impak sosial menunjukkan:-
  - i. Penerimaan belia terhadap pendekatan konsep baharu Hari Belia Negara 2014 sebanyak 94.7 peratus atau 6,093 responden.
  - ii. Keterlibatan belia dari aspek kesukarelawan adalah sebanyak 54.8 peratus atau 3,525 responden.
  - iii. Elemen perpaduan nasional sebanyak 65.4 peratus atau 4,206 responden.
  - iv. Elemen kreativiti sebanyak 60.7 peratus atau 3,906 responden.
  - v. Elemen kerohanian dan modal insan sebanyak 59.9 peratus atau 3,855 responden.

## SULIT

- vi. Elemen identiti seni budaya dan warisan sebanyak 63.8 peratus atau 4,106.
3. Selain itu, hasil dapatan kajian turut mendapati penganjuran Hari Belia Negara bukan sahaja memberi impak sosial kepada pengunjung yang hadir, malah ia memberi impak dari sudut peluang ekonomi kepada golongan belia untuk terlibat dalam bidang keusahawanan semasa penganjuran Hari Belia Negara. Hasil "Focus Group Discussion" kepada para peniaga, menyatakan majoriti daripada mereka berjaya menjana peluang ekonomi sekitar RM1500-RM2000 bagi tempoh 3 hari pelaksanaannya.
4. Selain itu, pelaksanaan aktiviti pada tahun ini memberikan penekanan khususnya dalam aspek kerohanian dan modal insan melalui aktiviti seperti pertandingan tilawah Al-Quran, nasyid, kompang formasi yang menjadi acara pembukaan bagi setiap aktiviti di peringkat Daerah dan Negeri. Manakala, bagi pembuka tirai Festival Belia Putrajaya 2014, Kementerian buat pertama kalinya melaksanakan Program Belia Berselawat dengan mengajak para belia berkumpul dan berselawat bersama. Program ini telah berjaya menarik minat ribuan belia untuk berhimpun dan berselawat. Pihak kerajaan yakin dengan aktiviti seperti ini dilihat sebagai satu kaedah yang tepat dalam memperkasakan aspek kerohanian belia di negara ini dengan menampilkan aktiviti berteraskan elemen keagamaan dan suntikan kerohanian.

## **SULIT**

5. Secara keseluruhannya, perayaan dan sambutan Hari Belia Negara telah menjadi platform bagi generasi muda bagi mempamerkan dan menunjukkan pelbagai kebolehan, kreativiti, sifat daya saing yang tinggi dalam pelbagai bidang kehidupan melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI  
ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 24.11.2014**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian membuat penyelarasan struktur pembelajaran bagi pendidikan awal kanak-kanak yang melibatkan taska/tadika kendalian kerajaan mahupun swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penyelarasan struktur pembelajaran bagi pendidikan awal kanak-kanak yang melibatkan taska/tadika kendalian kerajaan mahupun swasta yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah berdasarkan prinsip-prinsip asas Dasar Pendidikan Prasekolah seperti berikut :

- i. KPM mewajibkan semua institusi prasekolah menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).
- ii. KPM mewajibkan aspek-aspek berikut dilaksanakan :

- a. Kelas Prasekolah yang dianjurkan oleh agensi kerajaan hendaklah diselaraskan oleh KPM.
  - b. Guru yang mempunyai kelulusan ikhtisas dalam bidang prasekolah dan bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak.
  - c. Kemudahan fizikal dan peralatan prasekolah yang berkualiti disediakan.
  - d. Satu mekanisme naziran dan penyeliaan diwujudkan.
  - e. Menyediakan kemudahan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak berkeperluan khas.
  - f. Mewujudkan satu sistem kawal selia dan penguatkuasaan.
  - g. Kerajaan juga memastikan semua institusi pendidikan prasekolah mematuhi Bab 2 Pendidikan Prasekolah, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Peraturan-peraturan Pendidikan Prasekolah 1996 (Akta 550) seperti yang diperuntukkan.
- iii. Kerajaan menyediakan kemudahan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak yang berumur antara empat hingga enam tahun, serta menyediakan grant permulaan bagi penubuhan tadika swasta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[LEMBAH PANTAI ]**

**SOALAN :-**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ LEMBAH PANTAI ] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-**

(a) jumlah warga miskin kota tidak berumah serta jumlah mereka yang pernah ditahan dari tahun 2004; dan

(b) apakah usaha-usaha Kerajaan untuk menaikkan taraf hidup golongan warga miskin kota tidak berumah bagi memastikan mereka dapat menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara.

## JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang dilaksanakan oleh KPKT adalah untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah untuk meningkatkan kualiti hidup dan meningkatkan pendapatan bagi menghadapi kenaikan kos sara hidup di bandar. Bantuan yang diberikan adalah seperti **bantuan sewa rumah, bantuan latihan kemahiran dan keusahawanan, bantuan kios penjaja bergerak, bantuan 'food basket' melalui Program Titipan Kasih dan Bantuan Skim**. Sehingga **November 2014**, jumlah warga miskin bandar yang didaftarkan di dalam sistem eKasih adalah sebanyak 102,404 orang. Kementerian tidak mempunyai bidang kuasa untuk menahan mana-mana warga miskin bandar.
- (b) Kerajaan sememangnya sedar dan sentiasa mengambil berat mengenai keperluan perumahan sebagai satu keperluan asas untuk

semua golongan rakyat terutamanya di kawasan bandar. Untuk itu, Kementerian telah melaksanakan pembangunan projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara bagi memenuhi keperluan perumahan rakyat yang berpendapatan isi rumah kurang dari RM2,500 sebulan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID  
KAWASAN : KOTA TINGGI  
TARIKH: 24.11.2014 (ISNIN)  
NO. SOALAN : 23

Y.B Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapakah jumlah syarikat yang mendapat lesen permit mengimport gula.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kelulusan Lesen Import (AP) bagi gula adalah seperti berikut:

- (i) bagi pengimportan gula mentah, AP hanya diluluskan kepada empat syarikat yang mempunyai Lesen Pengilang yang menjalankan aktiviti pengeluaran gula bertapis; dan

- (ii) bagi pengimportan gula bertapis, pengeluaran AP hanya diluluskan kepada syarikat pengilang makanan dan minuman yang menggunakan gula bertapis sebagai bahan mentah bagi pengeluaran sendiri produk keluaran mereka. Setakat ini, sebanyak 30 buah syarikat pengilang makanan/minuman yang layak telah diluluskan AP untuk mengimport gula bertapis.

**SOALAN ( 24 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014**  
**[ ISNIN ]**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG**  
**[ KLUANG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [ KLUANG ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan :-

- (a) perbelanjaan persekutuan pengangkutan awam dari tahun 2004-2014 dalam pecahan terperinci dalam semua negeri dan dalam pecahan terperinci dalam 149 buah Kerajaan Tempatan; dan
- (b) peraturan dan bentuk kerjasama dengan Kerajaan Tempatan mengikut Seksyen 101 (0) dan Seksyen 102 (I), Akta 171.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak menyediakan peruntukan bagi pengangkutan awam kerana ia di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Perdana Menteri.
  
- (b) Bagi Seksyen 101 (o) dan Seksyen 102 (l), setakat ini, KPKT tidak mengeluarkan sebarang Undang-undang kecil bagi melesenkan perkhidmatan pengangkutan awam di PBT kerana ia di bawah bidang kuasa agensi lain seperti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Walau bagaimanapun, PBT boleh memberi kerjasama kepada SPAD sekiranya terdapat permohonan yang dikemukakan kepada SPAD untuk sebarang ulasan contohnya sekiranya terdapat permohonan oleh mana-mana pengusaha pengangkutan awam

untuk memberikan perkhidmatan seperti bas di laluan tertentu yang mana ianya terletak di bawah bidangkuasa PBT berkenaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

**SOALAN NO: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**  
**[ KOTA SAMARAHAN ]**  
**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status cadangan menaik taraf kemudahan Pusat Kesihatan Bahagian Samarahan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bahagian Samarahan mempunyai pelbagai kemudahan fasiliti kesihatan kerajaan. Setakat ini, terdapat 20 buah Klinik Kesihatan, sebuah Klinik Desa, 4 buah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak dan 3 buah Klinik 1Malaysia yang beroperasi di keempat-empat daerah di bawah pentadbiran Pejabat Kesihatan Bahagian Samarahan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau kualiti serta pertambahan keperluan perkhidmatan kesihatan setempat. Fasiliti kesihatan sedia ada dinaiktaraf dari segi infrastruktur, perkhidmatan,

kemudahan serta kelengkapan peralatan perubatan dan sumber manusia mengikut keperluan semasa.

Dalam RMKe-10 melalui *Rolling Plan* 1 hingga 4, Klinik Kesihatan Semera, Klinik Kesihatan Gedong dan Klinik Kesihatan Sebuyau telah diberi peruntukan bagi perluasan Program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal, untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan bangunan klinik kesihatan. Kerja-kerja baikpulih dan naiktaraf Klinik Pergigian Simunjan juga telah mendapat peruntukan menaiktaraf, mengubahsuai dan penambahbaikan fasiliti kesihatan.

Pihak KKM juga telah memajukan permohonan untuk menaiktaraf Klinik Desa Kedup kepada klinik kesihatan, yang akan mempunyai skop perkhidmatan kesihatan yang lebih luas. Di samping itu, perancangan pembangunan klinik kesihatan untuk Rancangan Malaysia Ke-11 turut menyenaraikan klinik-klinik di Bahagian Samarahan dalam senarai keutamaan seperti pembinaan Klinik Kesihatan Serian dan Klinik Kesihatan Sebuyau.

KKM akan terus memantau keperluan bagi menyediakan klinik-klinik kesihatan di Bahagian Samarahan. KKM sedang di peringkat mengenalpasti projek-projek menaiktaraf klinik kesihatan serta pembinaan klinik kesihatan baru untuk dilaksanakan dalam RMKe-11 yang akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24 NOVEMBER 2014  
[ ISNIN ]

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH  
[ SANDAKAN ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [ SANDAKAN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk memperkenalkan satu skim sewa beli bagi Program Perumahan Rakyat untuk membolehkan penyewa memiliki rumah tersebut setelah memenuhi syarat-syarat tertentu. Jika ya, nyatakan skim yang diperkenalkan di negeri Sabah khususnya kawasan Sandakan.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menjalankan kajian mengenai pelaksanaan kaedah sewa untuk beli (*Rent to Own*) bagi Program Perumahan Rakyat (PPR). Hasil kajian berkenaan seterusnya akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan persetujuan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

**PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
(PAYA BESAR)**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014**

**SOALAN : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL minta  
PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah dakwaan  
kebenaran pihak tertentu yang melihat kegagalan Kementerian  
dalam menangani insiden yang boleh mengganggu-gugat  
perpaduan rakyat berbilang kaum terutama pada era  
perkembangan pantas teknologi maklumat dan komunikasi  
(ICT).**

**JAWAPAN :**

**Yang Di Pertua,**

Proses merealisasikan perpaduan nasional bukannya proses yang mudah dan hanya boleh dihasilkan dalam masa yang singkat. Ia adalah usaha yang perlu dilaksanakan secara berterusan dan akan terus menjadi perjuangan yang akan diwariskan dari generasi ke generasi.

Kerajaan melalui JPNIN sedar bahawa kemajuan teknologi terkini ada kalanya membawa kesan negatif jika tidak dikawal dan tidak mematuhi etika sewajarnya dengan melemparkan serangan berbaur perkauman oleh individu atau kumpulan tertentu terhadap agama dan kaum.

Atas dasar tersebut, JPNIN selaku agensi yang dipertanggungjawab untuk memelihara, mengekal dan meningkatkan perpaduan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu.

Kerajaan melihat bahawa usaha memupuk perpaduan tidak hanya dipikul oleh masyarakat agensi semata-mata. Semua pihak perlu bersama menggembelng sumber dan tenaga agar tindakan dilakukan secara bersama tanpa mengira kaum, aliran pemikiran, agama, sosio-ekonomi dan sebagainya. Ia adalah tanggungjawab bersama.

Kerajaan hari ini adalah kerajaan yang berkhidmat untuk rakyat sesuai dengan slogan "Rakyat Didahulukan". Kerajaan amat mengalu-alukan pandangan dan cadangan daripada semua pihak berkepentingan agar Malaysia yang kita cintai ini akan terus kekal aman dan sejahtera untuk diwarisi kepada generasi akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Ust. Dato Dr. Mohd. Kahirudin Bin Aman Razali (Kuala Nerus) minta  
PERDANA MENTERI menyatakan jumlah rompakkan yang berlaku di  
sekitar perairan Negara dari Januari 2014 hingga Ogos 2014.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, APMM merupakan satu Agensi penguatkuasaan undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia (ZMM). Statistik kes rompakan yang telah berlaku di sepanjang perairan Zon Maritim Malaysia dari tempoh Januari sehingga September 2014 adalah sebanyak 12 kes. Pecahan kes adalah 2 kes di Selat Melaka, 8 kes di perairan Selat Singapura dan Timur Negeri Johor, 1 kes di Pantai Timur Semenanjung dan 1 kes di perairan Sarawak.

APMM telah mempertingkatkan pengawasan di sepanjang ZMM bagi menyekat angka kes dari terus meningkat. APMM juga mendapat kerjasama berterusan dari agensi keselamatan dalam negara dan negara jiran seperti *Singapore Police Coast Guard* dan Badan Koordinasi Keamanan Laut Republik Indonesia (BAKORKAMLA), yang bersama-sama menangani isu ini di rantau Asia Tenggara.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR.S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]**  
**TARIKH : 24 NOV 2014**  
**SOALAN :**

**YB TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk memindahkan Klinik Ulu Tiram, Johor Bahru ke lokasi yang lebih sesuai kerana kekurangan kemudahan di klinik sedia ada serta masalah kesesakan lalu lintas yang disebabkan klinik tersebut berada di tepi jalan utama dan terlalu dekat dengan Jejantas Ulu Tiram.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek pelaksanaan Klinik Kesihatan Ulu Tiram telah diluluskan untuk pelaksanaan dalam Rolling Pelan ke-3 (2014) RMK-10. Tapak projek adalah di kawasan yang lebih lapang seluas 3.5592 hektar yang terletak kurang dari satu kilometer dari klinik yang sedia ada. Borang pelaksanaan projek telah pun dikeluarkan pada tahun ini dan projek ini telah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri untuk pelaksanaan. Klinik kesihatan ini akan menggunakan pelan piawai klinik kesihatan jenis 3 dan buat masa ini pihak JKR sedang di peringkat kajian tapak dan penyediaan pelan susun atur terperinci.

**NO. SOALAN: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7239**

**SOALAN:**

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pendatang asing (sama ada tanpa izin, pelarian dan lain-lain) yang berdaftar dan tidak berdaftar di dalam rekod agensi Kerajaan bagi Parlimen Pandan dan langkah yang diambil untuk mengurangkan kebanjiran pendatang asing di kawasan Pandan/Ampang.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, buat masa ini Kerajaan tidak dapat memberikan data yang khusus dan spesifik mengenai keberadaan warga asing di sesuatu kawasan tertentu.**

**Kerajaan memandang serius isu pendatang asing tanpa izin (PATI), dan telah mengambil tindakan bagi menangani isu ini. Tindakan-tindakan yang telah diambil ini boleh dikategorikan kepada 2 peringkat iaitu sebelum masuk ke negara dan setelah berada dalam negara.**

**Sebelum masuk ke Malaysia, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:**

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;**
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini; dan**

- iii) pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara dipertingkatkan, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kerajaan juga sentiasa memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).**

**Manakala setelah berada dalam negara, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:**

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensinya yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan**
- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI**  
**[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 24.11.2014**

**SOALAN :**

**Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dalam usaha melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 apakah tindakan Kementerian bagi membantu mengurangkan bebanan dan tekanan guru dan apakah inisiatif yang difikirkan untuk guru supaya menaikkan semangat mereka menjalankan tugas dengan lebih baik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu meringankan beban tugas guru agar guru dapat memberi lebih tumpuan kepada Pengajaran dan pembelajaran (PdP), antaranya melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) - Pemantapan Profesion Guru (PPG): Penjajaran Tugas Utama Guru. NBOS ke-8 yang bermula pada 1 Julai 2013 merangkumi empat (4) bidang kajian iaitu mengkaji bebanan tugas guru, ketidaksepadanan opsyen guru, saiz kelas yang ideal dan isu pertindihan pangkalan data. Setiap bidang kajian mempunyai objektif yang terperinci sebagai contoh kajian bebanan tugas guru adalah bertujuan untuk mengkaji pemberatan tugas profesional dan bukan

profesional guru yang boleh dijajar kepada Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) di sekolah yang seterusnya mampu meningkatkan kualiti pendidikan negara amnya.

Melalui Anjakan ke-4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan pula, guru akan menikmati persekitaran kerja yang lebih sesuai dan ganjaran berasaskan prestasi dan laluan kerjaya yang lebih baik. Mereka akan melaksanakan tugas di sekolah yang mempunyai kelengkapan yang cukup, dan persekitaran kerja yang sesuai. Beban pentadbiran guru akan dikurangkan supaya mereka boleh menumpukan tenaga pada aktiviti teras, iaitu PdP.

Guru juga akan menikmati ganjaran berasaskan prestasi yang menarik termasuk perkembangan kerjaya yang lebih pantas dan boleh mengembangkan minat mereka mengikut laluan kerjaya yang berbeza iaitu pengajaran, kepimpinan, dan kepakaran mata pelajaran yang akan dilaksanakan mulai 2016.

KPM percaya usaha dan inisiatif yang telah diambil secara berterusan bagi meringankan beban tugas guru dapat membantu guru merealisasikan agenda PPPM 2013-2025 sebagai mana yang dihasratkan kerajaan bagi melonjakkan kecemerlangan sistem pendidikan negara.

**NO. SOALAN: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI  
ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH  
[ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7238**

**SOALAN:**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [ Kalabakan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) apakah Kementerian sedar bahawa dengan penguatkuasaan perintah berkurung di beberapa kawasan persisiran pantai di Sabah telah mengakibatkan kehilangan pendapatan kepada para nelayan persisiran pantai; dan

(b) sedarkah Kementerian bahawa langkah ini juga telah menyebabkan kurang bekalan dan kenaikan harga ikan dan hasil laut yang lain.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Kita semua sedia maklum bahawa keselamatan itu amat mahal nilainya. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak akan berkompromi apabila melibatkan isu-isu keselamatan. Keadaan ini selari dengan senario yang dihadapi di pantai timur Sabah di mana kerajaan telah membuat keputusan untuk melaksanakan perintah berkurung di enam (6) kawasan di pantai timur Sabah iaitu Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Semporna, Kunak dan Tawau.**

**Pada masa yang sama, pelaksanaan perintah berkurung ini sama sekali tidak mendatangkan masalah kepada penduduk setempat untuk menjalankan aktiviti mencari rezeki memandangkan perintah berkurung tersebut hanya dikuatkuasakan dalam waktu tertentu di kawasan perairan sahaja. Selain itu, terdapat reaksi daripada pengusaha-pengusaha ikan sangkar dan penduduk tempatan yang memberi sokongan penuh dengan pelaksanaan perintah berkurung ini bagi menjamin keselamatan kawasan dan diri mereka.**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING  
[BINTULU]**

**TARIKH : 24.11.2014 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 33**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :

- (a) apakah punca utama penyambungan elektrik belum dapat disambung ke rumah-rumah panjang di sekitar Jalan Bakun lebih-lebih lagi rumah panjang tersebut terletak di Empangan Bakun berhampiran yang bertujuan menjana kuasa elektrik; dan
- (b) apakah punca utama bekalan elektrik masih tidak dapat disambung ke sesetengah rumah panjang walaupun kerja pemasangan meter elektrik dan pendawaian telah siap, contohnya di Rh. Robin Rodi kawasan Kemena, Bintulu.

## **Jawapan :**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dari Pencawang Masuk Utama (PMU) Similajau ke Sg. Assap melibatkan pembinaan talian voltan tinggi 33kV sepanjang 83 km mula dilaksanakan oleh Kementerian pada bulan November 2011 telah dapat disiapkan pada 30 Oktober 2014. Projek bernilai RM66.45 juta ini melibatkan penyambungan bekalan elektrik kepada 61 buah rumah panjang disepanjang Jalan Bakun melibatkan 1,359 buah rumah.

Kementerian mengakui bahawa pelaksanaan projek ini sedikit lewat disiapkan disebabkan masalah izin lalu yang dihadapi dengan syarikat perladangan KTS Plantation Sdn. Bhd. yang tidak membenarkan penanaman tiang elektrik melalui tanah mereka. Hasil daripada kerjasama Kementerian Kemudahan Awam Sarawak, isu ini telah berjaya diselesaikan dan penduduk kampung termasuk di Rh. Robin Rodi dijangka akan mula menerima bekalan elektrik secara berperingkat-peringkat bermula dari 15 November 2014.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILSON UGAK  
ANAK KUMBONG  
[HULU RAJANG]**

**TARIKH : 24.11.2014 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 34**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan status Projek Bekalan Elektrik  
Luar Bandar dari Empangan Bakun ke Pekan Belaga terus  
ke Punan Bah, Belaga.

## **Jawapan :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian bersama Sarawak Energy Berhad (SEB) telah menyenaraikan projek penyambungan talian voltan tinggi 33kV dari Pencawang Elektrik Simpang Murum ke Rh. Aging, Belaga pada tahun 2015. Projek yang dianggarkan bernilai RM33.0 juta ini akan memberi manfaat kepada 606 buah rumah di Pekan Belaga serta kampung di sekitarnya dan dijangka akan dimulakan pada 15 Februari 2015. Apabila projek ini siap, Stesen Jana kuasa Diesel di Pekan Belaga boleh ditutup dan pengguna mendapat bekalan elektrik 24 jam daripada talian grid.

Mengenai permohonan YB supaya Kementerian menyambung bekalan elektrik sehingga ke Punan Bah pula, cadangan berkenaan tidak dapat diteruskan sehingga jalan perhubungan daripada Pekan Belaga ke Punan Bah sepanjang 130 km disiapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014**  
**[ ISNIN ]**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS**  
**[ SEPANGGAR ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan :-

- (a) berapakah bilangan rumah yang dibina di kawasan Sepanggar di bawah skim Program Perumahan Rakyat (PPR); dan
- (b) apakah sebab kelulusan membina 1000 unit rumah di bawah skim Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan DUN Inanam dibatalkan.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini belum ada Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Sepanggar. Namun begitu, Kerajaan Negeri boleh mencadangkan projek di kawasan tersebut sekiranya mempunyai permintaan.
  
- (b) Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Inanam adalah ditangguhkan kerana memandangkan Kerajaan Negeri memberi keutamaan di kawasan lain yang lebih memerlukan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
[ KANGAR ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Ir. Shaharuddin Bin Ismail [ Kangar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kesediaan Kementerian bagi mengatasi krisis tenaga yang mampu melembapkan enjin pertumbuhan pelbagai sektor di negara ini dan hal ini mampu menyebabkan pelabur asing berpindah ke tempat lain yang lebih berpotensi.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini negara kita tidak menghadapi krisis tenaga. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat gangguan tidak berjadual atau dengan izin *unplanned shutdown* yang melibatkan syarikat utiliti elektrik atau pembekal gas. Gangguan sedemikian dapat diatasi melalui pengurusan sumber tenaga yang cekap dan mantap oleh Kerajaan, syarikat utiliti elektrik dan pembekal gas. Antara langkah yang diambil adalah dengan mewujudkan Pasukan Petugas Gas (*National Gas Task Force*) untuk memantau situasi pembekalan gas dan mengenal pasti pelan tindakan bagi mengatasi kekangan bekalan gas.

Bagi memastikan bekalan elektrik sentiasa mencukupi dan terjamin, syarikat utiliti elektrik menjana elektrik menggunakan bahan api alternatif seperti *distillate*, *Medium Fuel Oil* (MFO) selain memaksimumkan penjanaan elektrik menggunakan bahan api arang batu bagi menampung kekurangan bekalan gas. Kerajaan sentiasa memantau secara teliti keadaan pembekalan bahan api *distillate*, MFO serta arang batu. Syarikat utiliti elektrik turut bekerjasama dengan pembekal-pembekal bahan api bagi memastikan bekalan bahan api mencukupi serta diperolehi tepat pada masa yang diperlukan.

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan memberi perhatian serius dalam perancangan pembangunan tenaga di Malaysia. Antara dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan adalah seperti Dasar Pelbagaian Empat Bahan Api (*Four-Fuel Diversification Policy*) pada tahun 1981, Dasar Pelbagaian Lima Bahan Api (*Five-Fuel Diversification Policy*) pada tahun 2001 dan Dasar Baru Tenaga Negara 2011. Melalui dasar-dasar ini, peratusan minyak dan khususnya gas dalam campuran bahan api bagi penjanaan elektrik telah dapat dikurangkan dan penggunaan arang batu serta sumber tenaga hidro telah ditingkatkan. Di samping itu, Kerajaan juga menggalakkan pembangunan sumber tenaga boleh baharu seperti penjanaan tenaga menggunakan biomas, biogas, sisa pepejal perbandaran, mini hidro, solar dan juga penghasilan dalam penggunaan biofuel.

Dalam usaha memastikan bekalan gas yang mencukupi, pihak PETRONAS akan mendapatkan bekalan gas tambahan dari luar negara bagi menampung permintaan tempatan yang semakin meningkat. Selain itu, Terminal *Regasification* di Melaka yang telah beroperasi pada 2013 dan Terminal *Regasification* di Pengerang, Johor pada 2019 dijangka akan dapat menampung permintaan gas di Semenanjung Malaysia pada masa hadapan.

Tuan Yang di Pertua,

Beberapa langkah telah dikenal pasti untuk menangani masalah kekurangan bekalan tenaga termasuklah usaha menggalak pihak industri menggunakan tenaga dengan cekap termasuk melaksanakan

audit tenaga (*energy audit*) dalam operasi serta penggunaan peralatan yang lebih cekap tenaga.

Di samping itu, usaha-usaha juga sedang diambil untuk menggalakkan pihak industri mengoptimumkan kemudahan *co-generation* supaya lebih tenaga dapat digunakan semula. Penambahbaikan dalam sektor elektrik juga dibuat melalui penggunaan teknologi penjanaan yang cekap dan bersih tenaga bagi menjimatkan penggunaan tenaga dan memelihara alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI  
KAWASAN : CHERAS  
TARIKH : 24.11.2014 (ISNIN)  
NO. SOALAN : 37

Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sebab-sebab mengapa dasar pengeluaran permit masuk (AP) bagi kenderaan import ke dalam negara ini masih kekal. Berapa banyak pengedar berkeelayakan yang diluluskan pengeluaran AP, jumlah AP yang dikeluarkan pada 2012, 2013 dan tempoh 9 bulan pertama 2014 dan jumlah permit AP yang diluluskan kepada tiga pengedar teratas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, objektif utama dasar pemberian Lesen Import (AP) Terbuka yang diperkenalkan pada tahun 1970 adalah untuk menggalakkan usahawan Bumiputera bergiat dalam sektor automotif. Kerajaan juga telah memperkenalkan AP Francais pada tahun 1997 selaras dengan komitmen pembukaan pasaran automotif.

Pemberian AP Terbuka adalah kepada peniaga kenderaan Bumiputera sahaja di mana setiap syarikat pemegang AP hendaklah dimiliki sepenuhnya (100 peratus) pegangan ekuiti oleh Bumiputera. Bagi AP Francais pula, sebanyak 70 peratus pegangan saham dimiliki oleh Bumiputera dan 30 peratus lagi oleh bukan Bumiputera bagi menggalakkan usahasama di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Sebagaimana ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Dasar Automotif Nasional, Kerajaan telah memutuskan untuk memansuh dasar AP Terbuka adalah pada 31 Disember 2015 dan AP Francais pada 31 Disember 2020. Walau bagaimanapun, menyedari akan kepentingan sumbangan dasar AP Terbuka kepada pembangunan sosio ekonomi negara, Kerajaan sedang melaksanakan satu kajian mendalam dan menyeluruh mengenai AP Terbuka bagi menilai implikasinya dalam pembangunan sektor automotif tempatan.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah syarikat pemegang AP adalah seperti berikut:

- i. bagi syarikat AP Terbuka kereta adalah sebanyak 100 syarikat, manakala bagi syarikat AP Terbuka motorsikal pula sebanyak 76; dan
- ii. syarikat AP Francais kereta adalah sebanyak 22, manakala untuk syarikat AP Francais motorsikal pula sebanyak 14.

Bagi tempoh 2012 hingga September 2014, jumlah Lesen Import (AP) yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka dan AP Francais termasuk individu adalah sebanyak 338,333 unit untuk kereta dan 48,770 untuk motorsikal. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Jumlah Lesen Import (AP) kereta yang dikeluarkan:

<u>Tahun</u>	<u>AP Terbuka (unit)</u>	<u>AP Francais (unit)</u>
2012	30,179	102,027
2013	33,375	88,658
Jan- Sept 2014	24,987	59,107
JUMLAH	88,541	249,792

Jumlah Lesen Import (AP) motorsikal yang dikeluarkan:

<u>Tahun</u>	<u>AP Terbuka (unit)</u>	<u>AP Francais (unit)</u>
2012	2,322	11,970
2013	4,723	16,423
Jan- Sept 2014	4,268	9,064
JUMLAH	11,313	37,457

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014**  
**[ ISNIN ]**  
**DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**  
**[ HULU LANGAT ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [ HULU LANGAT ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian dalam perancangan membina insinerator bagi tujuan pelupusan sampah domestik; dan
- (b) perancangan untuk menguatkuasakan Program Kitar semula, Pengurangan Sampah dan Guna Semula (3R) bagi setiap rumah.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Kebangsaan Pengurusan Sisa Pepejal adalah dokumen rujukan yang digunapakai dalam merancang dan membangunkan sistem pengurusan sisa pepejal di negara ini. Pelan Strategik ini menggariskan aliran sisa pepejal (*waste flow*) serta menentukan lokasi-lokasi kemudahan pengurusan sisa pepejal negara termasuk pembinaan loji *waste to energy* (WtE) bagi Kuala Lumpur.

Selain itu, Kementerian telah mengadakan lab Pengurusan Sisa Pepejal (PSP) pada 26 Mac 2012 hingga 13 April 2012 dengan dihadiri oleh wakil-wakil agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi, badan bukan Kerajaan (NGO) serta pihak swasta yang terlibat dalam pengurusan sisa pepejal. Objektif Lab tersebut adalah bagi membincangkan secara holistik mengenai pengurusan sisa pepejal negara dengan mengambilkira isu-isu yang berkaitan dengan teknologi terkini, sumber kewangan, faktor ekonomi, lokasi PSP dan jenis serta saiz kemudahan hasil PSP.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui seksyen 108, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672], pihak Kerajaan telah menggubal **Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Isi Rumah dan Sisa Pepejal Yang Serupa Dengan Sisa Pepejal Isi Rumah)** di mana penghuni premis disaran untuk mengasingkan barangan kitar semula yang dihasilkan dan seterusnya menghantar barangan tersebut ke pusat kitar semula yang terdekat. Manakala sekiranya perkhidmatan kutipan barangan kitar semula disediakan, penghuni perlu membungkuskan barangan kitar semula tersebut di dalam beg atau bekas dan meletakkan barangan kitar semula tersebut di tempat pemungutan sebelum masa pemungutan seperti yang dinyatakan dalam jadual pemungutan.

Kementerian juga dalam tindakan untuk mewajibkan peraturan pengasingan sisa di punca mulai September 2015 bagi negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672 ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD  
AKIN  
[ BUKIT KATIL ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN [ BUKIT KATIL ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan secara terperinci mengenai usaha menyediakan infrastruktur awam bagi kemudahan golongan kurang upaya di dalam kawasan bandar iaitu:-

- (a) jenis serta reka bentuk perhentian bas yang sesuai untuk OKU termasuk yang berkerusi roda; dan
- (b) jumlah perhentian bas mesra OKU yang akan dibina dalam pelan pembangunan infrastruktur awam.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia ada menggariskan panduan khusus bagi penyediaan hentian bas dengan ciri reka bentuk sejagat yang boleh disesuaikan kepada pengguna Orang Kelainan Upaya (OKU) berkerusi roda seperti penyediaan *ramp/ dropped kerb, guiding block/tactile block* dan sebagainya. Perkara ini telah diberi perhatian oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membina *ramp* dan menyediakan lantai yang tidak licin dalam pembinaan perhentian bas baru di PBT masing-masing.
- (b) Kementerian juga telah mengemukakan surat pada 26 September 2014 kepada pihak PBT berhubung cadangan penyediaan pembangunan infrastruktur awam bagi kemudahan golongan kurang

upaya. Melalui maklum balas yang diterima daripada pihak PBT, terdapat tiga (3) cadangan pembinaan perhentian bas mesra OKU iaitu di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Majlis Daerah Lahat Datu dan Majlis Daerah Tanjong Malim.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG  
(WANGSA MAJU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24.11.2014**

**Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pengambilan MAS akan menjejaskan kakitangan dan struktur syarikat berkenaan. Adakah perlunya pemberhentian kakitangan dilakukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, menurut piawaian dan penanda aras industri bagi syarikat penerbangan yang mempunyai

persamaan dengan MAS dari segi saiz, laluan dan pelan perniagaan, jumlah optimum tenaga kerja yang diperlukan oleh MAS adalah seramai kira-kira 14,000 orang bagi memastikan operasi yang cekap dan produktif. Justeru itu, adalah dianggarkan seramai kira-kira 6,000 pekerja akan terlibat dalam proses pemberhentian (*retrenchment*). Ketika ini, MAS giat melaksanakan proses tapisan untuk menentukan *outfit* terbaik dari semua peringkat pengurusan dan sokongan bagi memperoleh kos operasi yang optimum.

Bagi memberikan sokongan kepada kira-kira 6,000 kakitangan MAS yang terlibat dalam proses pemberhentian tersebut, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) akan menubuhkan sebuah pusat khas atau *Outplacement Centre* (OPC) di bawah Pelan Penyusunan Semula MAS. OPC ini akan menyediakan khidmat sokongan berkaitan yang diperlukan oleh pelbagai kumpulan pekerja yang akan meninggalkan MAS. Ini termasuklah sokongan profesional, emosi dan kewangan untuk membantu mereka beralih pekerjaan ke peringkat seterusnya dalam kerjaya masing-masing.

OPC akan diletakkan di bawah naungan Pusat Latihan Semula

Korporat (CRC) yang ditubuhkan bagi penyusunan semula dan sokongan perkhidmatan. CRC akan meliputi bidang seperti perancangan kewangan dan persaraan, panduan kerjaya dan kaunseling, penjalinan hubungan dengan majikan serta badan-badan berkanun yang berpotensi.

Tuan Yang di-Pertua,

Perjumpaan dengan kakitangan MAS menerusi beberapa sesi turun padang yang telah diadakan menunjukkan bahawa terdapat sokongan meluas ke atas penubuhan CRC dan OPC daripada kakitangan MAS di samping keinginan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai penyusunan semula ini. Kesatuan pekerja MAS berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai CRC dan OPC, khususnya jenis Latihan Semula yang disediakan, proses pemilihan, tempoh latihan, dan jangka masa untuk menyiapkan pusat tersebut.

Penempatan semula 6,000 orang pekerja dan jumlah pampasan bagi skim pemberhentian ini sedang dimuktamadkan sementara menunggu penyelesaian program penilaian bakat yang sedang

dilaksanakan di MAS. Selain daripada skim pemberhentian, Khazanah juga sedang menilai skim untuk memastikan bahawa bakat terbaik diberi insentif dan dikekalkan dalam "MAS Baru".

Memandangkan jumlah dana yang besar serta usaha dan masa yang banyak diperlukan untuk menjayakan Pelan Pemulihan MAS ini, adalah kritikal bagi Kerajaan untuk memastikan pembentukan sebuah syarikat penerbangan yang berjaya dan mampan yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara menjelang penghujung pelaksanaan rancangan ini. Oleh itu, Khazanah komited untuk memastikan proses pemindahan, penghijrahan dan pemberhentian yang melibatkan kakitangan MAS dilaksanakan dengan penuh cermat, adil dan menurut proses yang ditetapkan bagi meminimumkan kesan kepada mereka yang terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN  
[SARATOK]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014 (ISNIN)**

**SOALAN : 41**

**Tan Sri Dato Sri William Mawan Ikom [ Saratok ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penjelasan mengenai harga semasa lesen memandu bagi kelas B2 dan D yang telah dinaikkan berikutan penguatkuasaan format terbaru lesen memandu tersebut yang sangat tidak munasabah sehingga terdapat institut memandu mengenakan harga mencecah RM2000 dimana perkara ini amat membebankan golongan muda.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung isu harga semasa lesen memandu bagi kelas B2 dan D yang telah dinaikkan, untuk makluman Dewan Yang Mulia, setelah Kerajaan memperkenalkan sukatan baharu Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) secara rintis mulai 14 Julai 2014, Kerajaan telah menerima maklum balas daripada orang ramai bahawa terdapat sesetengah IM yang mengambil kesempatan untuk menaikkan kadar yuran secara tidak munasabah. Bagi menangani isu ini, Kerajaan telah mengambil pendekatan untuk mengawal kadar yuran pembelajaran dan latihan pemanduan di IM yang melibatkan lesen kelas B2, B, D dan DA (lesen kelas automatik) di mana suatu kadar telah ditetapkan berdasarkan kadar semasa di pasaran selain mengambilkira pertambahan skop dan metodologi bagi pelaksanaan KPP baharu.

Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan struktur kadar yuran pembelajaran dan latihan pemanduan di IM ini telahpun berkuatkuasa mulai 1 September 2014 di mana secara amnya kadar bagi kelas lesen B2, B, D dan DA masing-masing adalah sebanyak RM350.00, RM900.00, RM1,150.00 dan RM1,250.00. Perincian struktur kadar ini boleh didapati melalui laman sesawang Jabatan Pengangkutan Jalan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan telah mengarahkan supaya semua IM mempamer dan mematuhi struktur dan kadar yuran berkenaan di IM masing-masing. Kegagalan sesebuah IM mematuhi struktur dan kadar yuran yang ditetapkan boleh mengakibatkan tindakan penggantungan atau pembatalan permit selaras dengan peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Sekolah Memandu) 1992.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO  
MICHAEL TOYAD ABDULLAH [ MUKAH ]**

**TARIKH : 24.11.2014**

**SOALAN :**

**Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [ Mukah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah bangunan gantian baru SRK Kampong Jebungan di Mukah akan dibina.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan bangunan-bangunan sekolah sedia ada dipelihara dan kemudahannya ditambah baik dari semasa ke semasa. KPM telahpun mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek gantian penuh SK Kg Jebungan di Parlimen Mukah dalam *Rolling Plan* Ke-4 bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL  
[ JELEBU ]**

**TARIKH : 24.11.2014**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Zainudin bin Ismail [ Jelebu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana seriusnya kejadian kebocoran soalan peperiksaan yang sering berlaku dan terbaru baru-baru ini telah menjejaskan keyakinan sistem pendidikan negara. Apakah langkah dan tindakan yang telah diambil Kementerian dalam menangani isu ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kejadian kebocoran kertas peperiksaan ini amat mendukacitakan semua pihak, dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat dua laporan polis supaya satu siasatan menyeluruh dapat dilakukan dengan serta merta. KPM yakin pihak berkuasa akan dapat merungkai punca berlakunya kebocoran kertas peperiksaan UPSR tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan sedia ada. Sehingga kini, pihak KPM difahamkan lebih 30 individu telah disoal siasat oleh PDRM bagi mendapatkan maklumat dan membantu siasatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terlibat dan bertanggungjawab dalam perkara

ini, dan akan mengambil tindakan ke atas pegawai KPM, jika mereka disabitkan bersalah oleh pihak berkuasa mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

KPM telah mengambil langkah drastik dan serta-merta bagi memastikan integriti dan keselamatan kertas-kertas soalan peperiksaan awam, antaranya:

- i. Penubuhan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenalpasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan, dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian;
- ii. Melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;
- iii. Mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada. Perkara ini akan dipantau

dengan lebih ketat agar integriti dan keselamatan bahan peperiksaan benar-benar terjamin;

- iv. Melengkapkan lagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambakan pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan;
- v. Memberi taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh SOP secara berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik; dan
- vi. Memendekkan tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan bermula serta memantapkan lagi Pengurusan Krisis (*Crisis Management*) untuk bertindak serta merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa ini.

KPM sentiasa memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Namun, apa yang ingin ditegaskan adalah faktor kemanusiaan **yang melibatkan integriti individu** yang terlibat untuk menjamin semua langkah-langkah yang diambil dilaksanakan dengan berkesan.